

633 pengusaha kedai gunting rambut
diberi notis kerana mengenakan caj tinggi

Muka 5



Caj tinggi gunting rambut

Pengusaha diberi 3 hingga 5 hari bagi sebab

Ops Catut 7.0 keluar 633 notis seluruh negara

Oleh Ahmad Rabiul Zulkifli
bhnews@bh.com.my

Kuala Terengganu: Sejumlah 633 notis dikeluarkan menerusi Ops Catut 7.0 kepada pengusaha perkhidmatan gunting rambut di seluruh negara yang didapati mengenakan caj gunting rambut tinggi, sejak 10 Jun lalu.

Timbalan Menteri Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP), Datuk Rosol Wahid, berkata pihaknya mengeluarkan notis kepada pengusaha perkhidmatan gunting rambut yang didapati menaikkan harga perkhidmatan sejak Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) berkuat kuasa.

"KPDNHEP sudah memeriksa 693 premis yang menawarkan perkhidmatan gunting rambut termasuk pusat dandanan.

"Notis tunjuk sebab dieluarkan terhadap pengusaha perkhidmatan itu kerana me-

ngenakan harga tinggi berbanding kebiasaan.

"Mereka diberi tempoh tiga hingga lima hari untuk menerangkan sebab dan alasan kenaikan harga perkhidmatan berkenaan.

"Rata-rata peniaga menerangkan punca kenaikan harga perkhidmatan kerana perlu menyediakan kelengkapan tertentu ketika menggunting rambut termasuk apron dan sarung tangan pakai buang bagi mematuhi prosedur operasi standard (SOP) ditetapkan," katanya selepas program pematuhan Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) di sini, semalam.

Yang turut hadir, Pengarah KPDNHEP Terengganu, Saha-ruddin Mohd Kia.

Rosol berkata, pihaknya mengakui kenaikan harga perkhidmatan gunting rambut adalah wajar, seiring SOP yang perlu dipatuhi.

Bagaimanapun, katanya, ia perlu relevan dan tidak terlalu tinggi sehingga membebankan pelanggan.

"Ada aduan perkhidmatan gunting rambut RM7 sebelum ini meningkat sehingga RM15 dan kami berasa itu tidak munasabah.



Rosol (dua dari kanan) dan Saharuddin (kanan) melihat apron plastik yang digunakan pelanggan mengikut SOP ketika program pematuhan PKPP di Kuala Terengganu, semalam.

(Foto Ghazali Kori/BH)

Ada aduan perkhidmatan gunting rambut RM7 sebelum ini meningkat sehingga RM15 dan kami berasa itu tidak munasabah.

Rosol Wahid,
Timbalan Menteri KPDNHEP

"Jika naikkan harga, mestilah wajar dan jangan ambil kesempatan terhadap pelanggan. Lebih teruk jika menaikkan harga tanpa menyediakan apron dan sarung tangan dalam ditetapkan SOP," katanya.

Katanya, KPDNHEP belum mengenakan kompaun kepada pengusaha perkhidmatan gunting rambut di seluruh negara.

Setakat ini, Rosol berkata, pengusaha perkhidmatan gunting rambut masih akur dengan garis panduan harga ditetapkan dan KPDNHEP memberi teguran berkaitan jika ada ada didapati melanggar SOP.

Dalam pada itu, beliau menganjurkan orang ramai supaya memeriksa dan mendapatkan pengesahan pihak berkenaan sebelum membeli produk berkaitan kesihatan dijual terlalu murah, termasuk alat pengimbas suhu digital.

Katanya, keadaan itu dikhawatir sekadar memenuhi syarat untuk mematuhi SOP.

Mengaku pihaknya menyedari kes sedemikian, beliau menegaskan, kes itu kini dalam perhatian KPDNHEP untuk tindakan susulan.

"Buat masa sekarang kita hanya boleh menasihati peniaga dan pengguna supaya membeliinya daripada kedai yang sah dan

diakui membekal alat berkenaan.

"Jangan beli daripada penjual tidak sah dan pastikan alat pengimbas mempunyai pengesahan Sirim Berhad (Sirim) bagi memastikan ia berfungsi dengan baik," katanya.

Rosol berkata, KPDNHEP tidak mempunyai peraturan khusus berkaitan alat pengimbas suhu digital produk murahan itu.

Katanya, orang ramai yang mempunyai maklumat mengenai kedai atau pembekal menjual alat tidak berkualiti itu boleh melaporkannya kepada KPDNHEP untuk tindakan.

"Tolong jangan beli alat pengimbas digital sangat murah berbanding harga pasaran kerana ia pasti barang yang tidak berkualiti."

"Ia tidak mencapai matlamat ditetapkan dalam SOP PKPP jika alat berkenaan tidak berfungsi seperti sepatutnya," katanya.

Ahad, 14 Jun 2020 | 2:52pm

Caj gunting rambut tinggi, 633 notis dikeluarkan

Oleh Ahmad Rabiul Zulkifli
bhnews@bh.com.my

KUALA TERENGGANU: Sejumlah 633 notis dikeluarkan kepada pengusaha perkhidmatan gunting rambut di seluruh negara yang didapati mengenakan caj gunting rambut tinggi sejak 10 Jun lalu.

Timbalan Menteri Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP), Datuk Rosol Wahid, berkata pihaknya mengeluarkan notis kepada pengusaha perkhidmatan gunting rambut yang didapati menaikkan harga perkhidmatan sejak Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) berkuat kuasa.

"KPDNHEP sudah memeriksa 693 premis yang menawarkan perkhidmatan gunting rambut termasuk pusat dandanan.

"Notis tunjuk sebab dikeluarkan terhadap pengusaha perkhidmatan itu kerana mengenakan harga tinggi berbanding kebiasaan.

"Mereka diberi tempoh tiga hingga lima hari untuk menerangkan sebab dan alasan kenaikan harga perkhidmatan berkenaan.

"Rata-rata peniaga menerangkan punca kenaikan harga perkhidmatan kerana perlu menyediakan kelengkapan tertentu ketika menggunting rambut termasuk apron dan sarung tangan pakai buang bagi mematuhi prosedur operasi standard (SOP) ditetapkan," katanya selepas program pematuhan perintah Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) di sini, hari ini.

Turut hadir, Pengarah KPDNHEP Terengganu, Saharuddin Mohd Kia.

Rosol berkata, pihaknya mengakui kenaikan harga perkhidmatan gunting rambut adalah wajar, seiring SOP yang perlu dipatuhi.

Bagaimanapun, katanya, ia perlu relevan dan tidak terlalu tinggi sehingga membebankan pelanggan.

"Ada aduan perkhidmatan gunting rambut RM7 sebelum ini meningkat sehingga RM15 dan kami berasa itu tidak munasabah.

"Jika naikkan harga, mestilah wajar dan jangan ambil kesempatan terhadap pelanggan. Lebih teruk jika menaikkan harga tanpa menyediakan apron dan sarung tangan ditetapkan SOP," katanya.

Katanya, KPDNHEP belum mengenakan kompaun kepada pengusaha perkhidmatan gunting rambut di seluruh negara.

Setakat ini, Rosol berkata, pengusaha perkhidmatan gunting rambut masih akur dengan garis panduan harga ditetapkan dan KPDNHEP memberi teguran berkaitan jika ada ada didapati melanggar SOP.



Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Rosol Wahid (dua kiri) dan Pengarah KPDNHEP Terengganu, Saharuddin Mohd Kia (dua kanan) memeriksa peralatan pakaian digunakan tukang gunting seiring SOP ditetapkan. - NSTP/GHAZALI KORI

<https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/06/700239/caj-gunting-rambut-tinggi-633-notis-dikeluarkan>